



Bernama

Misi kedua selamat tiba

66 rakyat Malaysia jalani tapisan kesihatan sebelum dikuarantin 14 hari

Sepang

Pesawat khas misi kedua membawa pulang rakyat Malaysia, pasangan dan anak mereka dari Wuhan, China, susulan wabak Covid-19 tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Pesawat AirAsia dalam Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) yang digerakkan kerajaan Malaysia itu tiba jam 6.50 pagi.

Seramai 66 individu dibawa pulang melalui penerbangan khas yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe jam 1.45 pagi.

Kelmarin, pesawat khas itu berlepas ke Wuhan di wilayah Hubei dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) jam 5.58 petang.

Penerbangan itu turut membawa 12 kru, sembilan ahli agensi kerajaan Malaysia dan pegawai dari



PESAWAT AirAsia yang membawa pulang 66 rakyat Malaysia, pasangan dan anak dari Wuhan, China tiba di tanah air.



BERAPA kanak-kanak dibawa untuk menjalani tapisan



ANGGOTA Hazmat wanita memakai Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) di Adu, KLIA.

seluruhan yang menaiki pesawat itu 89 orang.

Mereka yang dibawa pulang itu melalui proses tapisan kesihatan sama seperti misi HADR pertama iaitu menjalani tapisan kesihatan di Unit Kecemasan Udara (Adu) di KLIA sebaik tiba di tanah air.

Mereka yang bergejala dihantar ke Hospital Tuanku Ja'afar di Seremban manakala yang melepasi saringan terus ke Pusat Pemantauan di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) di Nilai bagi menjalani kuarantin selama 14 hari.

Pada 4 Februari lalu, kerajaan Malaysia membawa pulang 107 rakyat yang terkandas di wilayah Hubei melalui misi pertama HADR.

Sementara itu, menurut kenyataan Kementerian Luar, bilangan awal penumpang yang dijangka kembali ke Malaysia adalah 75, tetapi sembilan daripada mereka tidak dapat menyertai penerbangan itu atas pelbagai faktor.

"Enam penumpang yang hadir di lapangan terbang (di Wuhan) tidak dapat menaiki pesawat itu kerana isu kesihatan.

"Seorang penumpang menarik diri atas faktor kesihatan tanpa hadir ke lapangan terbang, seorang tidak dapat serta kerana komitmen kerja dan seorang lagi tidak dapat meninggalkan Wuhan atas masalah logistik," menurut kenyataan itu.